

10 JAN, 2025

'Masa untuk tumpu ekonomi ketepi perkara remeh-temeh'

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

'Masa untuk tumpu ekonomi ketepi perkara remeh-temeh'

Semua pihak diminta ganda usaha bawa perubahan demi kebaikan negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Mahanum Abdul Aziz dan Mohd Zaky Zainuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan sekarang adalah masanya untuk semua pihak mengangkat maratabat ekonomi dan tidak boleh berleghal lagi dengan berbicara hal remeh yang melemahkan serta mengancam kekuatan negara. Tegas Perdana Menteri, sekarang juga peluang dan kesempatan terbaik untuk negara menguruskan ekonomi dengan baik, meningkatkan usaha, menjalinkan kerjasama dan fokus dalam kerja masing-masing dengan wacana yang segar.

"Malah, sekarang juga adalah kesediaan untuk membawa kepada perubahan dan penyesuaian, mengaku kelemahan masing-masing, termasuk dalam kerajaan, tetapi untuk membawa perubahan dan kebaikan untuk semua," katanya berucap pada Forum Ekonomi Malaysia 2025, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri

Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar menjelaskan, antara peluang baharu boleh ditinjau negara seperti teknologi *block chain* bagi membina kekuatan menyeluruh dan mengelak daripada ketinggalan, selain industri semikonduktor yang menjadi antara kekuatan Malaysia.

"Saya sering tekankan kepada Ketua Setiausaha Negara supaya mengingatkan jentera kita supaya fokus mencari jalan untuk mengangkat kekuatan ekonomi. Walaupun industri semikonduktor di Pulau Pinang agak lama, tetapi jika kita tidak sedia menerokai bidang baharu, kita akan ketinggalan.

"Kita kena bina kekuatan yang menyeluruh supaya kekuatan ini dapat membantu kita mengangkat semula (ekonomi)," katanya. Perdana Menteri berkata, pada 2024, Malaysia berjaya mengengkang inflasi, mengurangkan pengangguran dan menstabilkan mata wang, mencatatkan rekod tertinggi dalam penciptaan pekerjaan dan pasaran saham juga berprestasi terbaik di ASEAN.

Malaysia juga, katanya, mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi dalam sejarah dan menerajui rantau dalam bidang semikonduktor serta pusat data.

Bagi 2025, Anwar berkata, Malaysia ingin menggandakan kedudukan geografi negara sebagai saluran untuk elektrik, bakat dan kepelbagaian rantaian bekalan.

"Pada masa sama, kita ingin memperhalusi kepakaran kita dalam minyak dan gas, semikonduktor dan kewangan Islam supaya kita boleh menjadi peneraju pasaran global dalam setiap bi-



Anwar berucap pada Forum Ekonomi Malaysia 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

dang. Sikap berkecuali dan keterbukaan kita untuk perkongsian menjadikan kita hab semula jadi untuk semua," katanya.

Permudah urusan rakyat

Pada majlis berasingan, Anwar semalam melancarkan Kiosk Sentuhan MADANI yang dibangunkan dan dikendalikan oleh Unit Pantau MADANI dengan pembabit pelbagai kementerian, agensi dan pihak swasta.

Kiosk Sentuhan MADANI menghimpunkan pelbagai perkhidmatan kerajaan menerusi kios digital agensi barisan hadapan di kawasan tumpuan ramai seperti di pusat beli-belah dengan jangka masa operasi

yang lebih panjang.

Ia sekali gus memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan awam di luar waktu pejabat.

Bagi fasa pertama, inisiatif kios itu akan beroperasi di pusat beli-belah Alamanda, Putrajaya bermula semalam.


Enam kios digital yang menawarkan lebih 90 jenis perkhidmatan ditempatkan di pusat beli-belah berkenaan.

Kios itu membabitkan urusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), MyDigital ID (MIMOS), Kumpulan Wang Simpanan Perseorangan (KWSP), Pos Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata Kiosk Sentuhan MADANI yang kedua akan dipasang di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur dan dijangka mula beroperasi pada penghujung Februari ini.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata operasi Kiosk Sentuhan MADANI menggunakan pendekatan *whole-of-nation* dan direalisasikan sepenuhnya melalui sinergi daripada jabatan dan agensi.

"Ia secara tidak langsung mencerminkan komitmen tinggi sektor awam dan korporat dalam memastikan kejayaan inisiatif ini," katanya.



10 JAN, 2025

'Masa untuk tumpu ekonomi ketepi perkara remeh-temeh'

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Semua pihak diminta ganda usaha bawa perubahan demi kebaikan negara

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan sekarang adalah masanya untuk semua pihak mengangkat martabat ekonomi dan tidak boleh berlengah lagi dengan berbicara hal remeh yang melemahkan serta mengancam kekuatan negara. Tegas Perdana Menteri, sekarang juga peluang dan kesempatan terbaik untuk negara menguruskan ekonomi dengan baik, meningkatkan usaha, menjalinkan kerjasama dan fokus dalam kerja masing-masing dengan wacana yang segar.